

Aspek Perundangan Dalam Pembangunan Kapasiti Kepimpinan Sekolah

oleh

Prof. Madya Dr. Tie Fatt Hee
Institut Pengajian Kepengetuaan
Universiti Malaya
tiefh@um.edu.my

Pengenalan

Pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 mempertingkatkan tuntutan akauntabiliti di kalangan pemimpin sekolah. Perubahan tersebut juga didorong oleh perubahan dalam masyarakat yang bertambah kompleks. Tuntutan yang baru memerlukan pemimpin sekolah mengubahsuai amalan pengurusan dan pentadbiran untuk menghadapi cabaran tersebut. Pengurusan disiplin pelajar dan pengelolaan aktiviti sekolah tidak boleh mengabaikan aspek perundangan kerana amalan dan dasar sekolah semakin dipengaruhi oleh undang-undang (Hopkins, 2005). Sikap masyarakat yang sedia menyaman pihak sekolah bermakna ibu bapa rela menuntut keadilan daripada mahkamah. Pembangunan kapasiti kepimpinan sekolah perlu melengkapkan pemimpin dengan pengetahuan undang-undang yang sesuai supaya amalan yang betul dari perspektif undang-undang boleh mengurangkan risiko didakwa.

Sistem pentadbiran negara menyediakan satu rangka dan struktur undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan untuk melindungi hak individu dan menjamin kebebasan tertentu (Tie, 2002). Sekolah mengembangkan dasar, prosedur dan peraturan untuk memastikan bahawa langkah yang sesuai digunakan untuk menyediakan tempat yang selamat. Pemimpin sekolah perlu menjalankan kewajipan perundangan dengan betul supaya pelajar dilindungi daripada kecederaan fizikal (Tronc, 1996). Mahkamah akan campur tangan dalam urusan sekolah apabila pihak sekolah gagal menjalankan tanggungjawab perundangannya dengan baik.

Sistem perundangan juga melindungi hak perlembagaan pelajar. Hak pelajar telah menimbulkan satu kontroversi pada masa ini kerana timbulnya beberapa kes yang baru. Pada masa ini, institusi sekolah dikehendaki mematuhi prinsip perundangan yang betul sebelum membuat sesuatu keputusan berkaitan dengan disiplin pelajar (Tie, 2004). Keputusan yang tidak betul mendedahkan pemimpin kepada dakwaan tertentu. Perbincangan ini akan meneliti perkembangan dan pengaruh undang-undang dalam pendidikan serta implikasinya terhadap pemimpin sekolah.

Perkembangan dan pengaruh undang-undang dalam pendidikan

Pada zaman dahulu, pemimpin sekolah mempunyai autoriti penuh dalam pengawalan disiplin pelajar. Guru juga mempunyai autoriti penuh dalam melaksanakan disiplin sekolah. Autoriti tersebut diterima oleh masyarakat sebagai satu norma biasa. Ia jarang dicabar oleh masyarakat khususnya ibu bapa. Penggunaan hukuman merotan biasa dilakukan tanpa apa-apa pertikaian kerana pemimpin dan guru diberi kepercayaan penuh oleh masyarakat yang beranggapan bahawa pelaksanaannya dilakukan dengan niat yang baik. Secara tidak langsung, unsur keyakinan demikian berjaya menyumbang membentukkan iklim sekolah yang sihat. Walau bagaimanapun,



persepsi tradisional masyarakat terhadap autoriti pemimpin dan guru telah berubah pada abad dua puluhan. Tren begini disebabkan oleh faktor dalaman dan luaran. Kecenderungan segelintir individu menggunakan kuasa yang keterlaluan contoh mendera dan mencederakan pelajar semasa melaksanakan hukuman rotan merupakan salah satu faktor dalaman. Kadangkala peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran tidak menyenaraikan jenis salah laku yang spesifik dan bentuk hukuman yang dikenakan. Pengetua dan guru mempunyai kuasa am untuk menjalankan hukuman yang biasa untuk menjaga disiplin dan ketenteraman sekolah. Tindakan hukuman seperti mengetuk kepala pelajar, menampar, mencubit hingga lebam, memegang dan mencederakan telinga, mendera seperti berlari keliling padang dan menjemur, dilarang kerana ia boleh membawa implikasi yang tidak diingini (Tie, 2004). Pihak sekolah wajib memastikan hukuman dijalankan secara adil dan setimpal dengan perbuatan salah laku. Matlamat utama hukuman adalah untuk mendidik dan bukan mendera.

Faktor luaran disebabkan oleh perkembangan ekonomi negara yang pesat. Pembangunan pendidikan negara yang menyebabkan peningkatan dalam tahap pendidikan individu serta tahap kesedaran hak individu. Ini bererti ahli masyarakat lebih meneliti segala tindakan yang diambil oleh pihak sekolah. Pada abad dua puluh, matlamat pendidikan telah mementingkan perkembangan menyeluruh pelajar sebagai seseorang individu. Matlamat pendidikan utama adalah untuk melahirkan seseorang individu yang bebas, berdikari dan berfikiran kritis. Perkembangan intelek, sosial, emosi dan fizikal pelajar yang menjadi tumpuan utama pembangunan pendidikan membawa implikasi yang signifikan. Secara tidak langsung, usaha demikian membantu menambahkan pengetahuan dan kesedaran mengenai hak asasi individu. Pelajar mempunyai hak mendapat pendidikan dalam tempat yang selamat dan bebas daripada apa-apa ancaman seperti ancaman buli, gangsterisme dan serangan emosi seperti fitnah. Akibatnya, pemimpin sekolah dan guru mempunyai tanggungjawab yang berat daripada segi perundangan hasil daripada kewajipan perundangan yang muncul semasa ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah untuk dididik. Masyarakat mempunyai ekspektasi yang tinggi bahawa pihak sekolah sentiasa mengutamakan keselamatan pelajar. Pemimpin sekolah mempunyai kewajipan berjaga-jaga terhadap pelajar dan dikehendaki menjalankan tanggungjawab perundangan demikian dengan baik.

Pada abad lapan puluhan, kurikulum pendidikan guru tidak mengandungi komponen undang-undang pendidikan. Kadangkala guru pelatih didedahkan kepada unsur perundangan yang tertentu oleh maktab atau universiti melalui kursus khas. Biasanya, kursus ini berkaitan dengan peraturan sekolah yang dinyatakan dalam surat pekeliling ikhtisas. Kebanyakan surat pekeliling ikhtisas tersebut menyenaraikan beberapa cadangan untuk menghadapi atau mengatasi masalah yang wujud di sekolah seperti pengurusan masalah disiplin. Sebahagian besar garis panduan yang disediakan adalah berbentuk umum. Kursus perguruan tidak mengandungi komponen undang-undang pendidikan. Komponen ini tidak penting sebab bakal guru tidak perlu gunakannya semasa berkhidmat di sekolah. Tambahan juga, pengetahuan dalam bidang ini tidak penting dan tidak relevan. Pemimpin sekolah dan guru tidak perlu mengaplikasikan aspek ini dalam tugas harian. Walau bagaimanapun, situasi ini telah berubah pada masa kini. Beberapa buah universiti sedang menawarkan komponen ini dalam kurikulum pendidikan guru di peringkat ijazah sarjana muda pendidikan dan sarjana pendidikan.

Di negara barat, khususnya Amerika Syarikat, mentaliti sedia dan sanggup mengambil tindakan mahkamah terhadap pihak sekolah semakin berleluasa (Hopkins, 2005). Gejala ini digalakkan oleh masyarakat yang berbentuk '*litigious*' kerana tindakan saman-menyanam telah menjadi sebahagian kehidupan harian. Oleh sebab itu, pemimpin sekolah dan guru perlu sedia menghadapi cabaran ini dengan bijak. Kebolehan mengambil langkah yang sesuai untuk mengurangkan risiko dakwaan dengan penuh yakin adalah usaha yang baik.



Proses globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat dijangka akan membawa gejala mentaliti menyaman mengalir masuk ke Negara Malaysia pada masa akan datang. Di samping itu, proses pendemokrasiian pendidikan bermakna ramai individu akan mendapat peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah. Tambahan juga, bilangan universiti awam dan swasta yang bertambah membawa kesan yang khusus pada kesedaran mengenai hak individu dan aspek akauntabiliti pendidikan.

Undang-undang memainkan peranan penting dalam menentukan dasar pendidikan. Perbelanjaan yang diperuntukkan untuk pembangunan pendidikan di negara amat tinggi. Selaras dengan itu, masyarakat juga menuntut supaya peruntukan yang disediakan perlu digunakan dengan lebih bijak. Akauntabiliti pendidikan menjadi satu isu penting dalam bidang pendidikan. Konsep akauntabiliti pendidikan mempunyai perhubungan yang rapat dengan konsep kecuaian pendidikan kerana kedua-dua konsep melibatkan kualiti pendidikan yang disampaikan oleh pihak sekolah.

Implikasi terhadap Pemimpin Sekolah

Pemimpin sekolah akan menghadapi cabaran yang baru dan lebih sofistikated pada masa akan datang. Mereka akan mengalami tekanan yang lebih berat sebab tuntutan untuk akauntabiliti pendidikan akan bertambah. Tekanan ini berasal daripada ekspektasi tinggi ibu bapa dan Kementerian Pelajaran. Pihak media seringkali melaporkan insiden yang mengancam keselamatan pelajar dan tanggungjawab pemimpin sekolah. Salah satu contoh yang didapati pada masa ini ialah kes keracunan makanan dan minuman di sekolah. Terdapat laporan bahawa pengetua boleh dipecat jawatan apabila mereka didapati cuai. Isu yang timbul ialah: -

- Siapakah yang bertanggungjawab penuh terhadap insiden keracunan yang berlaku di sekolah?
- Apakah tindakan susulan yang telah dilakukan pada masa dahulu apabila insiden itu berlaku?
- Adakah tindakan tatatertib yang dikemukakan itu sesuai?
- Siapakah sebenarnya bertanggungjawab apabila ibubapa menyaman pihak sekolah?

Tindakan menyaman pihak sekolah dijangka akan meningkat pada masa hadapan. Oleh sebab itu, pemimpin sekolah perlu mengambil langkah berjaga-jaga yang sesuai untuk melindungi diri daripada tindakan mahkamah. Pengetahuan yang sesuai seperti pengetahuan berkaitan dengan hak dan tanggungjawab pelajar adalah penting. Walau bagaimanapun, pengetahuan yang berbentuk munasabah sudah memadai. Seseorang individu boleh bertindak dengan betul apabila beliau mengetahui dan memahami prosedur serta peraturan dengan jelas. Pengetahuan yang baik, sesuai dan munasabah boleh bertindak mengurangkan masalah perundangan yang timbul di sekolah (Tie, 2004). Kementerian Pelajaran juga dapat memberikan nasihat perundangan yang sesuai kepada pengetua melalui pejabat Penasihat Undang-undang yang telah ditubuhkan.

Berbagai jenis salah laku dilakukan di sekolah. Ini termasuk penyalahgunaan dadah, merompak, memeras ugut, merosakkan harta benda sekolah, mengancam guru, gangsterisme dan buli. Pengetua dan guru perlu mengetahui dan memahami kuasa yang telah diperuntukkan kepada mereka, prosedur mengambil tindakan disiplin dan jenis hukuman yang boleh dikenakan. Langkah ini boleh menambahkan keberkesanannya usaha mempertingkatkan dan memajukan disiplin sekolah. Adalah dicadangkan bahawa rancangan dan program pembangunan kapasiti kepimpinan sekolah mengambil perhatian mengenai komponen perundangan dalam pendidikan supaya pemimpin sekolah bersedia menghadapi masyarakat yang menjadi '*litigious*' pada masa hadapan.



Kesimpulan

Pengurusan sesebuah sekolah sebagai sebuah institusi pendidikan merupakan satu cabaran yang rumit daripada segi perundangan. Pemimpin sekolah yang proaktif dan sedia menghadapi cabaran ini dapat menguruskan sekolah dengan penuh yakin. Segala keputusan dan tindakan yang diambil berdasarkan peraturan dan prinsip perundangan yang jelas membantu pemimpin sekolah mengurangkan risiko dakwaan.

Rujukan

- Hopksin, D. 2005. *Teachers, students and the law*. Melbourne: Victoria Law Foundation.
- Tie, F.H. 2002. *Undang-undang pendidikan di Malaysia*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Tie, F. H. 2004. *Liabiliti dalam pengurusan pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Tronc, K. 1966. *You, your school and the law*. Brisbane: Fernfawn Publications.

